



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | MEDIA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Rabu, Jun 24, 2015

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

■ ■ | A- | A | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

UPM Satiri jalin kerjasama bangukan Makmal Turf UPM Satiri bertaraf dunia

Oleh Noor Eszereen Juferi
Foto Marina Ismail



SERDANG, 17 Jun - Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalinkan kerjasama dengan Syarikat Satiri Sdn Bhd bagi membangunkan Makmal Turf UPM Satiri sebagai pusat showcasse penyelidikan turf yang bertaraf dunia.

Naib Canselor UPM, Prof. Dato' Dr. Mohd. Fauzi Ramlan berkata kolaborasi tersebut membuktikan keupayaan universiti dalam menjalankan penyelidikan dan pengkomersilan serta memberi peluang pekerjaan kepada pelajar melalui kerja sambilan di makmal tersebut.

"Bidang Turf merupakan kekuatan pengajian dalam Fakulti Pertanian UPM. Kursus dalam bidang tersebut didedahkan dalam program Bachelor Sains Pertanian dan Ijazah Sains Hortikultur serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) melibatkan pelajar tahun akhir serta pelajar siswazah," katanya semasa majlis menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara UPM dan Satiri Sdn. Bhd.

Beiliau berkata kawasan yang dibangunakn bagi menempatkan Makmal Turf UPM Satiri itu merangkumi keluasan 9.86 hektar.

"Perancangan UPM, seluas 6.29 hektar akan dibangunkan untuk fasiliti pengajaran dan kawasan plot pengeluaran turf komersil manakala selebihnya berkeluasan 3.57 akan dibangunkan infrastruktur asas lain seperti jalan, kolam sistem perparitan dan ruang pelupusan," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Satiri Sdn Bhd, Dr. Mohd Said Saad berkata perancangan makmal itu adalah untuk dijadikan sebagai Makmal Akreditasi terulung dalam bidang pengeluaran turf bagi memenuhi piawaian dan keperluan pengguna.

"Makmal turf ini akan diuruskan dengan kemudahan dan persekitaran secara komersil bagi pelajar menjalankan kerja praktikal dan penyelidikan dalam bidang teknologi turf," katanya.

Sebelum itu, kajian rumput turf tersebut telah dijalankan sejak tahun 1997 dan kemudiannya dikenali sebagai 'Satiri Superdwaf'. Ia mula dikomersilkan pada tahun 2008.

- UPM

